

Dr M letakkan bahasa Melayu bertaraf global

BH 23/10/03

MELAKA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya mengasaskan Malaysia untuk menjadi negara maju sejak mentadbir negara 22 tahun, sekali gus menyediakan asas untuk bahasa Melayu sebagai bahasa antarahangsa.

Kemantapan ekonomi negara yang dijana melalui pembangunan perindustrian berdasarkan dasar pentadbiran mampan Perdana Menteri berjaya meletakkan bahasa Melayu pada landasan yang kukuh untuk berfungsi sebagai bahasa yang digunakan pada peringkat antarabangsa.

Pensyarah Jabatan Sosio-Budaya Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Zainal Abidin Borhan berkata, dengan kemajuan ekonomi, Malaysia bukan setakat mampu menjadi kuasa dunia, malah negara yang bahasanya dipelajari masyarakat antarahangsa.

Sehubungan itu, agensi kerajaan

dan swasta harus menggunakan bahasa Melayu dalam urusan perdagangan dengan negara luar bagi meningkatkan taraf bahasa kebangsaan dalam era globalisasi.

"Perdana Menteri disifatkan sebagai jurucakap negara miskin dan sedang membangun. Suara beliau dengar pemimpin dan masyarakat antarabangsa. Dr Mahathir sudah menanam bibit keyakinan dalam diri rakyat Malaysia.

"Mampukah bahasa Melayu menjadi bahasa antarabangsa dalam era globalisasi. Saya yakin, kita mampu mengangkat darjat bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa apabila masyarakat dunia terpaksa belajar bahasa Melayu untuk berdagang dan menimba ilmu daripada kita suatu hari nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada forum Kembara Bahasa Kebangsaan (FKBK) anjuran bersama Dewan Ba-

hasa dan Pustaka (DBP), *Berita Harian* dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian hlelaka di Hotel The Golden Legacy, di sini semalam.

Forum sehari itu dihadiri kira-kira 500 peserta, kebanyakannya guru dari seluruh Melaka. Turut hadir wakil Ketua Pengarah DBP, Izzah Abdul Aziz dan tokoh budaya negeri, Tan Sri Abdul Aziz Tapa.

FKBK bertajuk 'Bahasa Kebangsaan - Ke Arah Bahasa Perdagangan Global' itu adalah yang ke-13 di seluruh negara sempena sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Negara. Penutupan FKBK akan diadakan di Kuala Lumpur pada Disember depan.

Sementara itu, seorang panel forum, Murad Ali Abdullah dari Majlis Peguam Malaysia berkata, bahasa Melayu mampu kembali herfungsi sebagai bahasa *lingua franca* pada zaman Kcsultanan Melayu Melaka melalui ilmu, harta dan kuasa.

Beliau berkata, bahasa Melayu harus diangkat menjadi bahasa pengantar segala aspek ilmu, termasuk sains, teknologi komunikasi maklumat (ICT), undang-undang dan petubatan.

"Bahasa Melayu mampu diperluas ke seluruh dunia apabila kita mampu mengangkat penggunaannya dalam perdagangan melalui usaha memajukan ekonomi negara," katanya.

Kuasa pula, merujuk kepada rasa kasih rakyat Malaysia terhadap bahasa Melayu yang diperkukuh melalui kewibawaan kepemimpinan negara menggunakannya dalam segala bidang pentadbiran.

Bagi mencapai hasrat itu, rakyat harus mengubah sikap daripada mengambil ringan penggunaan bahasa Melayu kepada lebih prihatin terhadapnya, selain yakin dengan kemampuan bahasa Melayu dan berusaha mengangkat darjatnya melalui iltizam yang tinggi.